



SYARAT DAN PERATURAN ANUGERAH INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN PRODUK

ASAS ANUGERAH

1. Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk merangkumi produk berasaskan penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan di IPT di mana harta inteleknya didaftarkan oleh IPT berkenaan. Produk tersebut mestilah dikomersialkan melalui syarikat/*enterprise* berdaftar, memberi impak dari segi penjana ilmu, peningkatan kualiti hidup, pembangunan industri dan perkembangan ekonomi negara.
2. Anugerah ini juga dibuka kepada produk penyelidikan yang dijalankan di luar negara dengan syarat sekurang-kurangnya 50% kerja penyelidikannya dijalankan oleh warganegara Malaysia di IPT Malaysia dan harta intelek dimiliki (tunggal atau bersama) oleh IPT di Malaysia.
3. Produk penyelidikan boleh merupakan rekabentuk, rekacipta, teknologi, perisian, formulasi atau proses yang dibangunkan daripada harta intelek yang berdaftar. Produk berasaskan harta intelek yang tidak berdaftar seperti *trade secret* mestilah didaftarkan dan diperakukan di peringkat IPT dan mempunyai *trademark*.
4. Pemenang Anugerah ini boleh memohon semula pada tahun berikutnya dengan produk yang berbeza.

SYARAT PERMOHONAN

1. Produk mestilah telah dikomersialkan dan menjana pendapatan (jualan kasar) kepada syarikat/*enterprise* berdaftar. Untuk layak memohon, nilai jualan kasar kumulatif bagi produk berkenaan mestilah sekurang-kurangnya RM500,000 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu).
2. IPT dan penyelidik mestilah mendapat pulangan hasil daripada pengkomersialan produk berkenaan (contohnya: royalti, yuran pelesenan, bayaran perundingan, milikan ekuiti). Yuran perkhidmatan dan amaun terimaan daripada penyelidikan kontrak tidak diambil kira sebagai jualan kasar/pendapatan pengkomersialan.
3. Pemohon mestilah ketua penyelidik bagi pembangunan produk ini.

4. Sila guna borang permohonan yang **BERASINGAN BAGI SETIAP PRODUK**. Sekiranya terdapat lebih daripada satu produk dalam borang yang sama, permohonan tersebut **TIDAK** akan dipertimbangkan.

KRITERIA PENILAIAN

Penilaian **PRODUK** akan mengambil kira perkara berikut:

1. Penerangan dari aspek teknikal, keaslian (*originality*) dan kepentingan kepada pengguna.
2. Segala urusan pengkomersialan mesti melalui pihak berkuasa IPT.
3. Mempunyai harta intelek yang berdaftar; atau *trade secret* yang diperakukan oleh IPT (berserta *trademark*), dan perjanjian pengkomersialan di antara universiti dan syarikat/*enterprise* berdaftar.
4. Telah menggunakan dana/geran untuk sekurang-kurangnya dalam satu fasa berikut: penyelidikan, pembangunan atau pengkomersialan (R&D&C).
5. Pernah menerima anugerah dari dalam dan/atau luar negara.
6. Telah menjana nilai jualan kasar kumulatif sekurang-kurangnya RM 500,000 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu) dalam dan/atau luar negara dan sebahagian daripada pendapatan pengkomersialan tersebut telah disalurkan kepada IPT serta penyelidik.
7. Produk baru atau produk yang mempunyai nilai tambah berbanding produk yang sedia ada di pasaran.
8. Memberi impak terhadap kualiti hidup, industri dan ekonomi negara.
9. Mampu menjana peluang pekerjaan dan perniagaan baru.
10. Terdapat usaha ke arah kelestarian perniagaan termasuk pengembangan pasaran, penambahbaikan produk dan pelaburan semula dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).
11. Penerbitan akademik berkaitan produk telah dihasilkan.

PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN

1. Permohonan perlu dibuat secara dalam talian melalui sistem permohonan Anugerah Akademik Negara (AAN) menggunakan pautan <http://spaan.mohe.gov.my> sebelum tarikh tutup permohonan.
2. Satu salinan keras (*hardcopy*) permohonan beserta semua dokumen sokongan yang disahkan perlu dicetak, dijilid dan dihantar kepada pihakurus setia. Pemohon digalakkan menghantar sampel produk kepada urus setia untuk rujukan.

3. Sila pastikan semua perkara dalam senarai semak (*checklist*) telah dilengkapkan.

NILAI ANUGERAH

Nilai Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk ialah **RM 50,000 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu) berserta piala dan sijil penghargaan daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi**. Hadiah akan dikeluarkan atas nama pemohon yang akan membahagikannya kepada ahli kumpulan mengikut peratusan sumbangan masing-masing seperti yang tertera di dalam borang permohonan (warganegara Malaysia sahaja).